

PERSEKITARAN KELUARGA TERHADAP TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN PELAJAR INDIA DI DAERAH HULU LANGAT

FAMILY ENVIRONMENT ON DEVIANT BEHAVIOUR AMONG INDIAN STUDENTS OF SECONDARY SCHOOL IN HULU LANGAT

Kavitha Sri Davaidass¹
Suppiah Nachiappan²
Charles Ganaprasam³

^{1,2,3}Fakulti Pendidikan Sultan Idris

Accepted date: 14 May 2018

Published date: 4 July 2018

To cite this document: Davaidass, K. S., Nachiappan, S., & Ganaprasam, C. (2018). Persekitaran Keluarga Terhadap Tingkah Laku Devian dalam Kalangan Pelajar India di Daerah Hulu Langat. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(2), 1–15.

Abstrak: Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti perhubungan diantara persekitaran keluarga dengan tingkah laku devian dalam kalangan pelajar remaja beretnik India di Daerah Hulu Langat. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah sekolah menengah harian di Daerah Hulu Langat. Searamai 70 orang pelajar tingkatan empat beretnik India yang mempunyai rekod disiplin telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Darjah kebolehpercayaan (alfa cronbach) bagi keseluruhan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah 0.874. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan Persian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22. Analisis deskriptif digunakan untuk mengukur frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Pekali Korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan dengan persekitaran keluarga terhadap tingkah laku devian pelajar beretnik India dalam kajian ini. Manakala ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan antara jantina dan tingkah laku devian. Hasil kajian merumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri tingkah laku, gaya asuhan dan kepuahan kepada agama dengan tingkah laku devian. Walau bagaimana pun, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kasih sayang ibubapa dengan tingkah laku devian. Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian pelajar lelaki dan perempuan. Hasil dapatan kajian juga menjelaskan bahawa tingkah laku devian dalam kalangan pelajar remaja beretnik India di Daerah Hulu Langat adalah berada pada tahap yang kritikal. Kajian ini memberikan implikasi kepada pihak yang tertentu untuk mengenal pasti dan mengatasi masalah kelakuan devian dalam kalangan remaja yang beretnik India.

Kata Kunci: Persekitaran Keluarga, Tingkah Laku Devian, Remaja Beretnik India, Daerah Hulu Langat, Malaysia

Abstarct: This study was conducted to investigate the relationship between family environment and deviant behavior among Indian students of secondary school in Hulu Langat. Study was conducted in three different secondary schools from the District of Hulu Langat. Sampling method was used to identify 70 respondents which are Form Four student's Indian adolescents with discipline record. The degree of reliability (Cronbach alpha) for all of the instruments used to conduct this study is 0.874. Data were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22. Descriptive analysis was used to analyze the frequency, percentage, mean and standard deviation. The Pearson correlation coefficient was used to identify the relationship of family environment and the deviant behavior among Indian students in this study and the t-test was used to test the difference between sex and deviant behavior. The conclusion of this study is, there is a significant relationship between the characteristics of behavior, style and adherence to the religious upbringing with adolescent deviant behavior. However, there was no significant correlation between the levels of parents love and deviant behavior. The t-test result shows a significant difference between the deviant behavior between boys and girls. The findings also display that the deviant behavior among Indian adolescents in District of Hulu Langat is at a critical level. This study has implications for several parties to identify and address deviance behavior among Indian students of secondary school in Hulu Langat.

Keywords: Family Environment, Deviant Behavior, Indian students, Hulu Langat

Pengenalan

Masalah sosial yang merebak dalam kalangan warga muda meruntuhkan budi bahasa serta budaya menghormati. Bagi membanteras pengaruh yang negatif, ibu bapa haruslah mendidik dan mengajar anak-anak mereka dari awal lagi. Tunjuk ajar yang bermoral daripada ibu bapa, boleh membantu golongan muda untuk menghindari daripada terjebak dalam aktiviti yang tidak diingini. Adalah sangat penting untuk ibu bapa untuk menjaga pergerakan anak-anak nya dan jika kecuaian berlaku, golongan anak muda ini akan mudah terlibat dalam pelbagai kegiatan yang memudaratkan diri dan keluarga. Walaupun perkembangan negara yang semakin maju merupakan sesuatu yang dibanggakan, namun ianya memberi kesan sampingan yang sangat kritikal terutamanya dari segi teknologi yang telah banyak membawa elemen-elemen pengaruh negative. Masalah sosial yang melibatkan golongan remaja berlaku secara berleluasan tanpa kawalan. Institusi yang sepatutnya bertanggungjawab pula memberi penerangan dari persepsi mereka lalu melepas tangan. Mereka enggan menerima kegagalan mereka dalam mendidik generasi muda terutamanya yang masih di bangku sekolah. Peningkatan kadar masalah sosial ini menjaskan kerdibiliti pihak sekolah. Ini adalah kerana pihak sekolah merupakan salah satu institusi yang penting dalam mengawal pelajar dari aspek sosial malah sekolah juga mempunyai peranan dalam mendidik seseorang pelajar untuk menjadi individu yang bermoral tinggi serta bersifat positif (Yahaya & Baharom, 2006).

Secara tidak langsung, ini memberi impak yang mendalam kepada pihak ibu bapa. Ibu bapa sepatutnya membimbing golongan remaja muda ini untuk menjadi seorang yang berinsan mulia. Masalah yang melibatkan remaja ini secara luas adalah disebabkan oleh kerengangan pertalian kasih sayang diantara remaja dan ibu bapa mereka. Sebahagian besar golongan remaja ini menyalahkan ibu bapa mereka. Menurut Kementerian Pelajaran, terdapat 459 mempunyai rekod masalah disiplin yang berada pada tahap kritikal. Antaranya adalah kesalahan yang serius seperti mengancam, pelacuran, mencuri, berjudi, menceroboh penyalahgunaan dadah dan memegang

senjata api tanpa lessen. Merujuk kepada statistik, penglibatan remaja beretnik India dalam aktiviti tingkah laku devian dan jenayah adalah tinggi. Tindakan untuk mengawal perangkaan kes tingkah laku devian dalam kalangan remaja beretnik India haruslah diimplikasikan supaya masalah sosial ini dapat diatasi dan peningkatan kes-kes sebegini dapat dikawal pada masa yang akan datang. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh manakah faktor-faktor kekeluargaan memainkan peranan dalam pembentukan seseorang remaja yang mendorong mereka untuk berkelakuan devian, terutamanya pelajar yang beretnik India. Pada masa yang sama, setiap keluarga mengamalkan gaya asuhan dan kawalan yang tersendiri dimana ia akan memberi kesan terhadap anak tersebut. Perbezaan ini akan memberi penekanan terhadap pembentukan moral dan sahsiah remaja yang berkenaan. Kajian ini akan melihat pengaruh gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku devian digolongan pelajar beretnik India. Menurut Azizi Yahaya et al., (2007) perselisihan faham diantara ahli keluarga adalah salah satu penyumbang utama yang menyebabkan ketidakstabilan perasaan dan menyebabkan para pelajar untuk terjebak melakukan amalan devian.

Menurut Azizi et al. (2005), kelakuan devian merupakan amalan yang bercanggah dengan norma masyarakat sekeliling. Hipp & Yates, (2011); M. R. Lee, (2000), pula menyatakan kelompok etnik kecil sentiasa di diskriminasi dari segi sosial dan juga kemestian asas. Menurut Noran Fauziah Yaakub et al., (1993) dalam Ruzlan Md. Ali & Rosna Awang Hashim (2003) perkembangan remaja dipengaruhi oleh beberapa elemen yang berkaitan dengan institusi keluarga. Trzesniewski (2006), menyatakan bahawa remaja yang terlibat dalam masalah devian selalunya berasal daripada persekitaran keluarga yang bermasalah. Menurut Steinberg (2001), emosi yang sedih terhasil daripada faktor persekitaran keluarga yang tidak produktif. Sebagai contohnya, ibu bapa yang bercerai, ibu bapa yang tidak memberi perhatian dan kasih sayang terhadap anak mereka dan juga ibu bapa yang suka memilih kasih dikalangan adik-beradik. Menurut Meier (2006), terdapat dua konsep biasa mencirikan norma sebagai penilaian tingkah laku dan jangkaan tingkah laku.

Objektif kajian

- i. Menentukan tahap kepatuhan ajaran agama yang mendorong pelajar beretnik India terhadap musibah devian.
- ii. Mengkaji tahap kasih sayang ibu bapa kepada pelajar devian beretnik India.
- iii. Menentukan frekuensi perlakuan devian pelajar dalam kalangan beretnik India.
- iv. Menentukan kriteria perlakuan ibu bapa (verbal dan fizikal) yang mendorong pelajar etnik India terjebak dalam musibah devian.

Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian telah dikemukakan bagi menentukan objektif kajian yang hendak dicapai:

- i. Adakah tahap kepatuhan ajaran agama mempengaruhi mendorong pelajar beretnik India terhadap musibah devian?
- ii. Adakah terdapat kesinambungan terhadap tahap kasih sayang ibu bapa terhadap pelajar devian yang beretnik India?
- iii. Apakah frekuensi perlakuan devian dalam kalangan pelajar beretnik India?
- iv. Adakah kriteria perlakuan ibu bapa (fizikal dan verbal) mendorong pelajar beretnik India terjebak dalam musibah devian?

Methodologi Kajian

Kaedah yang dipilih untuk melakukan penyelidikan ini adalah kaedah deskriptif. Penyelidikan ini dijalankan ke atas tiga buah sekolah menengah harian yang terletak di Daerah Hulu Langat, Selangor. Penyelidikan ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap persekitaran keluarga terhadap perlakuan devian etnik India. Satu set soalan yang mengandungi soalan-soalan berkaitan latar belakang pelajar, perlakuan ibu bapa devian seperti pengetahuan agama, sosial dan sebagainya diuji untuk menjawab persoalan kajian. Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar devian beretnik India. Semua informasi telah dinyatakan dalam bentuk kuantitatif. Seterunya, darjah kebolehpercayaan (alfa cronbach) bagi keseluruhan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah 0.874. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22. Persampelan telah digunakan untuk mengenal pasti 70 orang responden iaitu pelajar-pelajar tingkatan empat beretnik India yang mempunyai rekod disiplin. Analisis deskriptif pula digunakan untuk menganalisis frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Pekali Korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan dengan persekitaran keluarga dengan tingkah laku devian pelajar beretnik India dalam kajian ini. Manakala ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan antara jantina dan tingkah laku devian remaja.

Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dalam penyelidikan ini. Pandangan ahli pengkaji Tuckman, 1978 berpendapat bahawa soal selidik adalah salah satu instrumen yang paling berkesan untuk mendapatkan data dan informasi daripada subjek kajian. Bahagian A yang hendak dikaji dalam soal selidik ini adalah mengkaji latar belakang subjek kajian dan juga maklumat yang berkaitan dengan ahli keluarga responden kajian. Bahagian B pula terdiri daripada soalan-soalan yang mengukur kepercayaan ibu bapa pelajar devian kepada ajaran agama Hindu. Bahagian C ialah pula dalam soal selidik ini akan menguji pengetahuan aras kesinambungan kasih sayang dengan ibu bapa pelajar devian. Bahagian D pula akan menyoal soalan yang berkaitan dengan frekuensi perlakuan devian pelajar yang berbentuk fizikal dan verbal. Bahagian E dalam soal selidik pula menyoal soalan yang berbentukan aspek-aspek perlakuan ibu bapa devian pelajar. Bahagian F pula menanyakan soalan yang berkaitan dengan gaya keibubapaan iaitu autoritarian yang mendorongkan perlakuan pelajar ke arah musibah devian.

Dapatan

Sebaran Subjek Kajian Berdasarkan Jantina

Keputusan Jadual 3.1 membincarakan sebaran peratusan dan bilangan subjek kajian mengikut jantina. Penyelidikan ini melibatkan dua katogeri pelajar. Antaranya ialah 27 pelajar (38.6%) adalah pelajar perempuan dan sebakinya pelajar lelaki terdiri daripada 43 pelajar (61.4%).

Jadual 3.1: Sebaran Peratusan dan Bilangan Subjek Kajian Berdasarkan Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Perempuan	27	38.6
Lelaki	43	61.4
Jumlah	70	100

Sebaran Subjek Kajian Mengikut Aras Tahap Akademik

Keputusan ujian PMR yang diambilkira dalam pengukuran tahap pencapaian akademik subjek kajian. Dua kategori iaitu lulus atau gagal, dikaji dalam pengukuran pencapaian tahap akademik subjek kajian dalam ujian tersebut. Menurut borang soal selidik yang telah dijawap oleh subjek kajian pangkat D dalam semua mata pelajaran diambilkira sebagai lulus manakala pangkat E dalam salah satu mata pelajaran pula dianggap sebagai gagal dalam peperiksaan tersebut. Jadual 3.2,

menceritakan bahawa iaitu seramai 54 pelajar (77.1%) gagal dan 16 pelajar (22.9%) telah lulus Peperiksaan PMR.

Jadual 3.2: Sebaran Peratusan dan Bilangan Subjek Kajian Mengikut Keputusan Dalam Peperiksaan PMR

Keputusan PMR	Bilangan	Peratus (%)
Gagal	54	77.1
Lulus	16	22.9
Jumlah	70	100

Sebaran Subjek Kajian Berdasarkan Kedudukan Sekolah

Responden kajian berasal daripada bandar dan luar bandar yang terletak di daerah Hulu Langat, Selangor. Seterusnya, Jadual 3.3 menunjukkan sebaran subjek kajian berdasarkan kedudukan sekolah. 8 pelajar iaitu (11.4%) subjek kajian berasal daripada lokasi luar bandar dan 62 pelajar iaitu (88.6%) subjek kajian ini berlatar belakang daripada lokasi bandar.

Jadual 3.3: Sebaran Peratusan dan Bilangan Subjek Kajian Berdasarkan Kedudukan Sekolah

Kedudukan Sekolah	Bilangan	Peratus (%)
Luar bandar	8	11.4
Bandar	62	88.6
Jumlah	70	100

Sebaran Subjek Kajian Mengikut Dengan Siapa Mereka Menetap

Berdasarkan Jadual 3.4 membincangkan sebaran subjek kajian mengikut dengan siapa subjek kajian menetap. Keputusan soal selidik adalah seperti berikut. Didapati seramai 5 pelajar (7.1%) menetap dengan penjaga seperti kakak, abang dan datuk, tiada pelajar menetap bersama dengan bapa sahaja, 19 pelajar (27.2%) menetap bersama dengan ibu, selebihnya 46 pelajar (65.7%) menetap dengan kedua- dua ibu bapa mereka.

Jadual 3.4: Sebaran Peratusan dan Bilangan Subjek Kajian Mengikut Dengan Siapa Mereka Menetap

Menetap dengan siapa	Bilangan	Peratus (%)
Penjaga	5	7.1
Bapa sahaja	0	0
Ibu sahaja	19	27.2
Ibu dan bapa	46	65.7
Jumlah	70	100

Persoalan Kajian 1:

Analisis Aras Pengamalan Agama Ibu bapa Pelajar Devian Dari Sudut Pengamalan Terhadap Ajaran Agama

Dengan penggunaan sisihan piawai, peratus dan min, digunakan untuk mencari aras pengamalan agama ibu bapa pelajar devian dari sudut pengamalan terhadap ajaran agama. Keputusan data analisis dinyatakan dalam Jadual 3.11. Dalam bahagian ini, bagi pernyataan “ibu bapa sentiasa mematuhi amalan agama” mencapai sisihan piawai dan min yang tertinggi. Angka sisihan piawai dan min yang dicapai adalah seperti 0.53 dan 2.69. Keputusan ini dikukuhkan lagi dengan jawapan subjek kajian iaitu seramai (71.4%) memberikan jawapan sangat setuju, (2.69%) pula menjawab tidak setuju dan sebanyak (25.7%) tidak pasti terhadap pernyataan ini. Seterusnya, dapatkan keputusan bagi pernyataan “Ibu bapa saya sentiasa tidak memakai pakaian menjolok mata ketika keluar dari rumah” pula subjek kajian memberikan jawapan sebanyak (45.7%) setuju, (24.3%)

tidak pasti dan sebanyak (30.0%) subjek kajian menjawab sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Manakala, sisihan piawai dan min bagi pernyataan ini adalah 0.86 dan 2.16.

Manakala keputusan dapatan sisihan piawai dan min adalah sebanyak 0.87 dan 2.27 untuk bahagian “Ibu bapa saya sering menyuruh saya sembahyang”. Sebanyak (54.3%) responden kajian menjawab sangat setuju, (18.65%) tidak pasti dan (27.1%) responden memberikan jawapan tidak setuju dalam soal selidik kajian. Bagi pernyataan “Ibu bapa saya pandai mengaji ajaran agama” pula responden kajian menjawab (57.15%) sangat setuju, (31.4%) tidak pasti dan seramai (11.45%) responden menyatakan tidak setuju dengan kenyataan ini. Manakala, sisihan piawai dan min yang diperoleh untuk bahagian ini ialah 0.70 dan 2.46. Sebanyak (68.65%) subjek kajian memberikan jawapan setuju, (21.45%) tidak pasti, (10.05) tidak setuju dengan pernyataan “Ibu bapa saya sentiasa memahami amalan agama”. Tambahan pula, sisihan piawai dan min yang diperoleh untuk pernyataan ini ialah sebanyak 0.67 dan 2.59. Kesimpulannya, purata min dan sisihan piawai yang didapati adalah sebanyak 2.23 dan 0.58 masing-masing. Jadi, kedua-dua nilai mencapai aras yang tinggi bagi pernyataan pengamalan ajaran agama ibu bapa pelajar devian dari sudut pengamalan kepada ajaran agama.

Jadual 3.11: Sebaran Subjek Kajian Terhadap Sisihan Piawai(SP), Min dan Peratusan Untuk Aspek Aras Pengamalan Ibu bapa Dari Sudut Pengamalan Kepada Ajaran Agama (n = 70)

Aspek	3		2		1		SP Min
	S	%	TP	%	TS	%	
	%						
Ibu bapa devian memahami ajaran agama Hindu	68.6	21.4	10	0.67	2.59		
Bapa saya selalu ke kuil	42.9	28.6	28.6	0.84	2.14		
Ibu bapa saya tidak pernah meninggalkan ibadat	50	28.6	21.4	0.8	2.29		
Ibu bapa saya sentiasa tidak memakai pakaian menjolok mata ketika keluar dari rumah	45.7	24.3	30	0.86	2.16		
Ibu bapa saya sentiasa mematuhi amalan agama	71.4	25.7	2.9	0.53	2.69		
Ibu bapa saya pandai mengaji ajaran agama	57.1	31.4	11.4	0.7	2.46		
Ibu bapa saya sangat berminat ke ceramah agama	34.3	41.4	24.3	0.76	2.1		
Ibu bapa saya sering menyuruh saya sembahyang	54.3	18.6	27.1	0.87	2.27		
						Purata Sisihan Piawai = 0.54	Purata Min = 2.23

Persoalan Kajian 2:

Analisis Aras Kesinambungan Kasih Sayang Ibu bapa Kepada Pelajar Devian Dari Sudut Pemberian Kasih Sayang

Dapatan kajian dalam Jadual 3.13 menunjukkan kesinambungan kasih sayang ibu bapa kepada pelajar devian dari sudut pemberian kasih sayang. Dapatan bahagian ini dianalisis berdasarkan sisihan piawai, min dan peratus daripada hasil soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Terdapat min dan sisihan piawai yang tertinggi tercapai bagi aspek “Ibu dan bapa saya mengingati akan harijadi saya” iaitu 2.60 dan 0.69 dalam bahagian aspek kasih sayang. Maka, pernyataan ini dikukuhakan lagi dengan dapatan soal selidik subjek kajian iaitu (71.4%) sangat setuju, (17.1%) pula menjawab tidak pasti dan selebihnya (11.4%) subjek kajian pula menjawab tidak setuju

dengan pernyataan harijadi ini. Tambahan pula, sisihan piawai dan min bagi aspek “Ibu bapa saya memberikan bantuan apabila saya memerlukan” adalah sebanyak 0.89 dan 2.36. Dapatkan keputusan kedua-dua ini dikukuhkan lagi dengan subjek kajian mengakur (62.9%) setuju, (10.0%) tidak pasti dan (27.1%) subjek kajian memberikan pandangan tidak setuju terhadap aspek ini.

Selain itu, seramai (58.6%) responden memberikan pandangan setuju, (18.6%) tidak pasti dan bakinya (22.9%) subjek kajian menjawab tidak pasti dengan aspek “Ibu bapa saya sedia memberikan nasihat dan bimbingan apabila saya menghadapi masalah”. Manakala, sisihan piawai dan min bagi aspek ini adalah 0.84 dan 2.66. Seterusnya, bagi aspek “Ibu bapa saya mempamerkan kasih sayang mereka kepada saya” pula memberikan min dan sisihan piawai sebanyak 2.49 dan 0.79. Jadi, aspek ini dikukuhkan lagi dengan daptan keputusan (67.1%) setuju, (14.3%) tidak pasti dan bakinya (18.6%) subjek kajian memberikan pandangan tidak setuju dengan aspek ini. Justeru itu, dalam bahagian ini pengkaji turut mengkaji aspek “Ibu bapa saya mampu meluangkan masa untuk saya walau pun mereka sibuk”. Aspek ini memberikan min dan sisihan piawai masing-masing adalah sebanyak 1.87 dan 0.88. Dapatkan keputusan soal selidik memberikan (32.9%) setuju, (21.4%) tidak pasti dan (45.7%) subjek kajian menyatakan tidak setuju dengan aspek mampu meluangkan masa dengan responden kajian. Akhir kalam, aras pemberian kasih sayang ibu bapa adalah tinggi terhadap pelajar devian. Manakala, sisihan piawai dan min yang diperoleh daptan keputusan kajian adalah sebanyak 0.60 dan 2.31.

Jadual 3.13: Sebaran Subjek Kajian Berdasarkan Sisihan Piawai, Min dan Peratus, Untuk Aspek Aras Kesinambungan Kasih Sayang Ibu bapa Kepada Pelajar Devian Dari Sudut Pemberian Kasih Sayang (n = 70)

Aspek	3	2	1	SP	Min
	S	TP	TS		
	%	%	%		
Ibu bapa mampu meluangkan masa kepada saya walaupun mereka sibuk	32.9	21.4	45.7	0.88	1.87
Ibu bapa mengambil tahu berkaitan dengan diri saya	50	24.3	25.7	0.84	2.24
Ibu bapa saya sedia memberikan tunjuk ajar dan nasihat apabila saya menempuhi musibah	58.6	18.6	22.9	0.84	2.36
Ibu bapa saya memberikan bantuan apabila saya memerlukan	62.9	10	27.1	0.89	2.36
Ibu bapa saya mempamerkan kasih sayang mereka kepada saya	67.1	14.3	18.6	0.79	2.49
Ibu bapa saya amat memahami jiwa dan perasaan saya	48.6	35.7	15.7	0.74	2.33
Ibu bapa saya cuba menunaikan hajat saya walaupun susah	52.9	32.9	14.3	0.78	2.39
Ibu bapa saya mengingati akan harijadi saya dan mengucapkan selamat harijadi	71.4	17.1	11.4	0.69	2.6
Ibu bapa saya memberikan pujian/ hadiah ketika saya berjaya menjalankan tugas dengan jayanya	67.1	17.1	15.7	0.76	2.51
Menunjukkan sikap lemah lembut kepada saya	21.4	50	28.6	0.71	1.93
Ibu bapa saya mengambil kira kesukaan/kebencian saya	57.1	31.4	11.4	0.7	2.46
Ibu saya gemar menyediakan makanan keminatan saya	55.7	27.1	17.1	0.77	2.39
Ibu bapa saya ialah tempat saya mengadu sebarang masalah yang saya	41.4	38.6	20	0.76	2.21
Ibu bapa saya sering bertanyakan musibah yang dihadapi berkaitan pelajaran	55.7	28.6	15.7	0.75	2.4
Ibu bapa saya selalu memberikan hadiah kepada saya	35.7	40	24.3	0.77	2.11
Purata Sisihan Piawai = 0.60			Purata Min = 2.31		

Analisis Aras Kesinambungan Kasih Sayang Ibu bapa Kepada Pelajar Devian Dari Sudut Pandangan Negatif

Dapatkan dalam Jadual 3.14 adalah keputusan yang berkaitan dengan taburan aras kesinambungan kasih sayang ibu bapa kepada pelajar devian dari sudut pandangan negatif. Kajian ini dilakukan dengan bantuan sisihan piawai, min dan juga peratus. Aspek “Ibu bapa saya mencemuh saya apabila saya melakukan kesilapan” adalah memberikan keputusan min yang tertinggi dengan nilai 2.31 dan sisihan piawai 0.89 dalam bahagian pandangan negatif kajian kasih kayang. Keputusan pandangan negatif ini ditekankan dengan analisis soal selidik iaitu seramai (60.0%) subjek kajian setuju, (11.4%) tidak pasti dan selebihnya iaitu (28.65) memberikan jawapan tidak setuju dengan aspek ini.

Seterusnya, aspek kajian iaitu “Ibu bapa saya terlalu sibuk hingga tidak pedulikan saya” memberikan purata sisihan piawai dan purata min masing-masing adalah 0.74 dan 1.67. Tambahan pula, keputusan soal selidik responden terhadap pandangan negatif yang berkaitan dengan kasih sayang ialah seramai (15.7%) setuju, (35.75%) tidak pasti dan selebihnya (48.6%) subjek kajian memberikan pandangan tidak setuju dengan aspek ini. Selain itu, aspek “Ibu bapa saya suka membezakan saya dengan orang lain” menyatakan purata min sebanyak 1.96 dan sisihan piawai pula 0.82. Aspek ini dikaji dengan teliti berdasarkan pandangan responden iaitu (31.4%) setuju, (32.9%) tidak pasti dan (35.7%) tidak setuju dengan aspek itu.

Manakala, bagi pernyataan “Ibu bapa saya menganggap saya sering menyusahkan mereka” menyatakan min dan sisihan piawai adalah seperti 0.66 dan 0.76. Keputusan kajian dikukuhkan lagi dengan analisis peratusan subjek kajian dengan aspek ini iaitu seramai (17.1%) sangat setuju, (31.4%) tidak pasti dan (51.4%) subjek kajian memberikan pandangan tidak setuju.

Justeru itu, pernyataan “Ibu bapa saya tidak mengambil kira tentang kejadian yang menimpa terhadap saya” menunjukkan seramai (5.75%) setuju, (37.1%) tidak pasti dan (57.1%) subjek kajian menyatakan tidak setuju dengan aspek itu. Manakala, purata min dan sisihan piawai yang diperoleh adalah seperti 0.49 dan 0.61.

Secara kesimpulannya, aras pemberian kasih sayang ibu bapa kepada pelajar devian dari sudut pandangan negatif mencapai ke aras yang tinggi. Keputusan ini dibuktikan dengan purata sisihan piawai dan purata min iaitu 0.59 dan 1.89.

Jadual 3.14: Sebaran Subjek Kajian Berdasarkan Sisihan Piawai, Min dan Peratus Untuk Aspek Kesinambungan Kasih Sayang Ibu bapa Kepada Pelajar Devian Dari Sudut Pandangan Negatif (n = 70)

Aspek	3	2	1	SP	Min
	S	TP	TS		
	%	%	%		
Ibu bapa suka mencemuh saya apabila saya melakukan kesilapan	60	11.4	28.6	0.89	2.31
Ibu bapa saya tidak mengambil kira tentang kejadian yang menimpa terhadap saya	5.7	37.1	57.1	0.61	0.49
Ibu bapa saya berpendapat bahawa saya selalu menyusahkan mereka	17.1	31.4	51.4	0.76	0.66
Ibu bapa saya terlalu sibuk hingga tidak pedulikan saya	15.7	35.7	48.6	0.74	1.67
Ibu bapa saya suka membezakan saya dengan orang lain	31.4	32.9	35.7	0.82	1.96

Persoalan Kajian 3:***Analisis Fruekensi Perbuatan Devian Dalam Kalangan Pelajar Dari Sudut Perbuatan Fizikal***

Dapatkan kajian dalam Jadual 3.15 membicarakan perbuatan devian dalam kalangan pelajar dari sudut perbuatan fizikal. Dapatkan bahagian ini dianalisis berdasarkan sisihan piawai, min dan peratus daripada hasil soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Terdapat min dan sisihan piawai yang tertinggi tercapai bagi aspek “bergaduh” iaitu 1.96 dan 0.79 dalam bahagian aspek perbuatan fizikal. Maka, pernyataan ini dikukuhkan lagi dengan dapatan soal selidik subjek kajian iaitu (28.6%) selalu, (38.6%) pula menjawab kerapkali dan selebihnya (32.9%) subjek kajian pula menjawab jarang dengan pernyataan musibah pergaduhan devian ini.

Selain itu, seramai (20%) responden memberikan pandangan selalu, (34.3%) kerapkali dan bakinya (45.7%) subjek kajian menjawab jarang dengan aspek perbuatan “mendera dan membuli”. Manakala, sisihan piawai dan min bagi aspek ini adalah 0.77 dan 1.74. Seterusnya, bagi aspek “perbuatan memukul rakan” pula memberikan min dan sisihan piawai sebanyak 1.79 dan 0.85. Jadi, aspek ini dikukuhkan lagi dengan dapatan keputusan (27.1%) selalu, (24.3%) kerapkali dan bakinya (41.9%) subjek kajian memberikan pandangan jarang dengan melakukan perbuatan devian ini.

Selain itu, seramai (58.6%) responden memberikan pandangan setuju, (18.6%) tidak pasti dan bakinya (22.9%) subjek kajian menjawab tidak pasti dengan aspek “Ibu bapa saya sedia memberikan nasihat dan bimbingan apabila saya menghadapi masalah”. Manakala, sisihan piawai dan min bagi aspek ini adalah 0.84 dan 2.66.

Seterusnya, bagi aspek “mencederakan seseorang” pula memberikan min dan sisihan piawai sebanyak 1.66 dan 0.78. Jadi, aspek ini dikukuhkan lagi dengan dapatan keputusan (18.6%) selalu, (28.6%) kerapkali dan bakinya (52.9%) subjek kajian memberikan pandangan jarang dengan aspek ini. Justeru itu, dalam bahagian ini pengkaji turut mengkaji aspek “melanggar peraturan sekolah”. Aspek ini memberikan min dan sisihan piawai masing-masing adalah sebanyak 1.41 dan 0.71. Dapatkan keputusan soal selidik memberikan (27.1%) selalu, (38.6%) kerapkali dan (34.3%) subjek kajian menyatakan jarang sekali dengan aspek melanggar peraturan sekolah dengan responden kajian.

Akhir kata, aras perbuatan devian dari aspek fizikal adalah tinggi terhadap pelajar devian. Manakala, sisihan piawai dan min yang diperoleh dapatan keputusan kajian adalah sebanyak 0.04 dan 1.64.

Jadual 3.15: Sebaran Subjek Kajian Berdasarkan Sisihan Piawai, Min dan Peratus Untuk aspek Frekuensi Perbuatan Devian Pelajar Dari Sudut Perbuatan Fizikal (n = 70)

Aspek	3			2		1		Min
	S	K	TP	SP	%			

Bergaduh	28.6	38.6	32.9	0.79	1.96
Memukul rakan	27.1	24.3	48.6	0.85	1.79
Mencederakan seseorang	18.6	28.6	52.9	0.78	1.66
Membuli	20	34.3	45.7	0.77	1.74
Merampas harta benda orang lain	7.1	21.4	71.4	0.62	1.36
Berjudi	14.3	22.9	62.9	0.74	1.51
Melanggar peraturan sekolah	27.1	38.6	34.3	0.79	1.93
Membawa senjata berbahaya ke sekolah	12.9	15.7	71.4	0.71	1.41
Tangkapan polis kerana terlibat dalam kes jenayah	18.6	12.9	68.6	0.79	1.50
Bergaduh dengan ibu bapa (fizikal)	12.9	32.9	54.3	0.71	1.59
Purata Min = 1.64				Purata Sisihan Piawai = 0.04	

Analisis Frekuensi Perbuatan Devian Dalam Kalangan Pelajar Dari Sudut Perbuatan Seksual

Dengan penggunaan sisihan piawai, peratus dan min, digunakan untuk mencari sebaran frekuensi perbuatan devian dalam kalangan remaja dari aspek perbuatan seksual. Keputusan data analisis dinyatakan dalam Jadual 3.16. Dalam bahagian ini, bagi pernyataan “menonton filem lucah” mencapai sisihan piawai dan min yang tertinggi. Angka sisihan piawai dan min yang dicapai adalah seperti 0.78 dan 1.77. Keputusan ini dikukuhkan lagi dengan jawapan subjek kajian iaitu seramai (21.4%) memberikan jawapan selalu, (34.3%) pula menjawab kerapkali dan sebanyak (44.3%) jarang terhadap pernyataan ini.

Seterusnya, dapatan keputusan bagi pernyataan “melakukan persetubuhan haram atau berasmara tanpa hubungan seksual” pula subjek kajian memberikan jawapan sebanyak (12.9%) selalu, (11.4%) kerapkali dan sebanyak (75.7%) subjek kajian menjawab sangat jarang dengan pernyataan ini. Manakala, sisihan piawai dan min bagi pernyataan ini adalah 0.71 dan 1.37.

Manakala keputusan dapatan sisihan piawai dan min adalah sebanyak 0.72 dan 1.49 untuk bahagian “membuat gangguan seksual atau isyarat lucah atau mengeluarkan kata-kata lucah”. Sebanyak (12.9%) responden kajian menjawab selalu, (22.9%) kerapkali dan (64.3%) responden memberikan jawapan jarang dalam soal selidik kajian. Sebanyak (10.0%) subjek kajian memberikan jawapan selalu, (21.4%) kerapkali, (68.6%) jarang dengan pernyataan “terlibat dalam aktiviti pelacuran atau bohsia”. Tambahan pula, sisihan piawai dan min yang diperoleh untuk pernyataan ini ialah sebanyak 0.67 dan 1.41. Kesimpulannya, purata min dan sisihan piawai yang didapati adalah sebanyak 1.58 dan 0.05 masing-masing. Jadi, kedua-dua nilai mencapai aras yang rendah bagi aspek perbuatan devian dari aspek seksual dalam kalangan pelajar devian.

Jadual 3.16: Sebaran Subjek Kajian Berdasarkan Sisihan Piawai, Min dan Peratus Untuk Aspek Frekuensi Perbuatan Devian Pelajar Dari Sudut Perbuatan Seksual (n = 70)

Aspek					
	1		2	3	SP
	TP	K	S	Min	
	%	%	%		
Meraba	80	10	10	0.65	1.3
Merogol	70	20	10	0.67	1.39

Menonton filem lucah	44.3	34.3	21.4	0.78	1.77
Berasmara tanpa hubungan seksual	75.7	11.4	12.9	0.71	1.37
Membuat isyarat dan barcakap kata-kata lucah	64.3	22.9	12.9	0.72	1.49
Terlibat dalam aktiviti pelacuran / bohnesia	68.6	21.4	10	0.67	1.41
Purata Min = 1.58			Purata Sisihan Piawai = 0.05		

Persoalan Kajian 4:

Analisis untuk mempastikan ciri-ciri perbuatan ibu bapa yang mendorongkan pelajar perbuatan devian yang dilakukan dengan pengiraan sisihan piawai, peratus, dan kekerapan perbuatan.

Analisis Ciri-Ciri Perbuatan Ibu bapa Yang Mendorongkan Pelajar Perbuatan Devian Dari Sudut Perbuatan Fizikal

Dapatan kajian dalam Jadual 3.17 membincarkan sebaran ciri-ciri perbuatan ibu bapa pelajar dari sudut perbuatan fizikal. Dapatan bahagian ini dianalisis berdasarkan sisihan piawai, min dan peratus daripada hasil soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Terdapat min dan sisihan piawai yang tertinggi tercapai bagi aspek “Bapa saya seorang yang sangat garang” iaitu 1.89 dan 0.81 dalam bahagian aspek perbuatan ibu bapa. Maka, pernyataan ini dikukuhkan lagi dengan dapatan soal selidik subjek kajian iaitu (27.1%) setuju, (34.3%) pula menjawab tidak pasti dan selebihnya (38.6%) subjek kajian pula menjawab tidak setuju dengan perbuatan ini.

Tambahan pula, sisihan piawai dan min bagi aspek “Ibu atau bapa saya selalu menghukum saya walau pun saya melakukan kesalahan yang kecil” adalah sebanyak 0.70 dan 1.53. Dapatan keputusan kedua-dua ini dikukuhkan lagi dengan subjek kajian mengakur (11.9%) setuju, (30.0%) tidak pasti dan (58.6%) subjek kajian memberikan pandangan tidak setuju terhadap aspek ini.

Selain itu, seramai (58.6%) responden memberikan pandangan setuju, (18.6%) tidak pasti dan bakinya (22.9%) subjek kajian menjawab tidak pasti dengan aspek “Ibu bapa saya sedia memberikan nasihat dan bimbingan apabila saya menghadapi masalah”. Manakala, sisihan piawai dan min bagi aspek ini adalah 0.84 dan 2.66.

Seterusnya, bagi aspek “Ibu atau bapa saya memukul saya apabila saya melakukan kesalahan” pula memberikan min dan sisihan piawai sebanyak 1.53 dan 0.70. Jadi, aspek ini dikukuhkan lagi dengan dapatan keputusan subjek kajian iaitu (11.4%) setuju, (30.0%) tidak pasti dan bakinya (58.6%) subjek kajian memberikan pandangan tidak setuju dengan aspek ini.

Justeru itu, dalam bahagian ini pengkaji turut mengkaji iaitu aspek “Bapa selalu menggunakan kekerasan fizikal bila bertengkar dengan ibu”. Aspek ini memberikan min dan sisihan piawai masing-masing adalah sebanyak 1.49 dan 0.79. Dapatan keputusan soal selidik memberikan (18.6%) setuju, (11.4%) tidak pasti dan (70.0%) subjek kajian menyatakan tidak setuju dengan aspek bapa selalu menggunakan kekerasan fizikal apabila bertengkar dengan ibu devian kajian.

Akhir kata, aspek bapa selalu menggunakan kekerasan fizikal adalah memperoleh nilai tinggi apabila bertengkar dengan ibu. Manakala, purata sisihan piawai dan min yang diperoleh dengan dapatan keputusan kajian adalah sebanyak 0.60 dan 1.61.

Jadual 3.17: Sebaran Subjek Kajian Berdasarkan Sisihan Piawai, Peratus dan Min Untuk Aspek Perbuatan Ibu bapa Dari Sudut Perbuatan Fizikal (n = 70)

Aspek	3		2		1	
	S	TP	TS	SP	Min	
	%	%	%	%		
Bapa saya bersikap garang	27.1	34.3	38.6	0.81	1.89	
Bapa selalu menggunakan kekerasan fizikal bila bertengkar dengan ibu	18.6	11.4	70.0	0.79	1.49	
Ibu bapa selalu menghukum walau pun saya melakukan kesalahan yang kecil	24.3	27.1	48.6	0.82	1.76	
Bapa saya merokok di hadapan saya	25.7	14.3	60	0.87	1.66	
Ibu bapa memukul saya apabila saya melakukan kesalahan melakukan kesalahan	11.4	30	58.6	0.7	1.53	
Ibu bapa saya suka mengambil barang kepunyaan orang lain tanpa kebenaran	7.1	17.1	75.7	0.61	1.41	
Purata Sisihan Piawai = 0.60				Purata Min = 1.61		

Analisis Ciri-Ciri Perbuatan Ibu bapa Yang Mendorongkan Pelajar Perbuatan Devian Dari Sudut Perbuatan Verbal

Dapatkan kajian dalam Jadual 3.18 mengutarakan ciri-ciri perbuatan ibu bapa pelajar devian dari sudut perbuatan verbal. Dapatkan bahagian ini dianalisis berdasarkan sisihan piawai, min dan peratus daripada hasil dapatan soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Terdapat min dan sisihan piawai yang tertinggi tercapai bagi aspek “Ibu saya selalu berleter tentang tingkah laku saya” iaitu 1.74 dan 0.81 dalam bahagian aspek perbuatan fizikal verbal. Maka, pernyataan ini dikukuhkan lagi dengan dapatan soal selidik subjek kajian iaitu (22.9%) setuju, (28.6%) pula menjawab tidak pasti dan selebihnya (48.6%) subjek kajian pula menjawab tidak setuju dengan aspek musibah berleter ibu bapa devian ini.

Tambahan pula, sisihan piawai dan min bagi aspek “Ibu atau bapa saya memaki hamun apabila marah” adalah sebanyak 0.59 dan 1.29. Dapatkan keputusan kedua-dua ini dikukuhkan lagi dengan subjek kajian mengakur (17.1%) setuju, (18.6%) tidak pasti dan (64.3%) subjek kajian memberikan pandangan tidak setuju terhadap aspek ini.

Selain itu, seramai (8.6%) responden memberikan pandangan setuju, (21.4%) tidak pasti dan bakinya (70.0%) subjek kajian menjawab tidak setuju dengan aspek “Ibu saya suka memberitahu sikap saya dengan orang lain”. Manakala, sisihan piawai dan min bagi aspek ini adalah 0.78 dan 1.53.

Seterusnya, bagi aspek “Ibu dan bapa saya selalu bertengkar” pula memberikan min dan sisihan piawai sebanyak 1.57 dan 0.71. Jadi, aspek ini dikukuhkan lagi dengan dapatan keputusan subjek kajian iaitu (12.9%) setuju, (31.4%) tidak pasti dan bakinya (55.7%) subjek kajian memberikan pandangan tidak setuju dengan aspek ini.

Tambahan pula, bagi pernyataan “mencapai min 1.10 dan sisihan piawai 0.33. Sebanyak 78.6 peratus responden menyatakan tidak setuju, 14.3 peratus tidak pasti dan 7.1 peratus setuju.

Justeru itu, dalam bahagian ini pengkaji turut mengkaji iaitu aspek “Ibu atau bapa saya suka bercakap bohong”. Aspek ini memberikan min dan sisihan piawai masing-masing adalah sebanyak 1.10 dan 0.33. Dapatkan keputusan soal selidik memberikan (7.1%) setuju, (14.3%) tidak

pasti dan (78.6%) subjek kajian menyatakan tidak setuju dengan aspek bapa selalu ibu atau bapa devian suka bercakap bohong.

Pendek kata, aspek ibu bapa selalu menggunakan kekerasan fizikal dari segi verbal adalah memperoleh nilai tinggi dan memberi kesan kepada perbuatan devian pelajar. Manakala, purata sisihan piawai dan min yang diperoleh dengan dapatan keputusan kajian adalah sebanyak 0.51 dan 1.50.

Jadual 3.18: Sebaran Subjek Kajian Berdasarkan Sisihan Piawai, Peratus dan Min Untuk aspek Perbuatan Ibu bapa Dari Sudut Perbuatan Verbal (n = 70)

Aspek	3		2		1	
	S	TP	TS	SP	Min	
	%	%	%			
Ibu selalu suka berleter tentang tingkah laku saya	22.9	28.6	48.6	0.81	1.74	
Ibu dan bapa saya selalu bertengkar	12.9	31.4	55.7	0.71	1.57	
Ibu saya suka memberitahu sikap saya dengan orang lain	8.6	21.4	70	0.64	1.39	
Ibu bapa saya memaki hamun apabila marah	17.1	18.6	64.3	0.59	1.29	
Ibu bapa saya suka bercakap bohong	7.1	14.3	78.6	0.33	1.1	
Purata Sisihan Piawai = 0.51				Purata Min = 1.50		

Perbincangan Dan Implikasi

Hasil kajian merumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri tingkah laku, gaya asuhan dan kepatuhan kepada agama dengan tingkah laku devian remaja. Walau bagaimana pun tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kasih sayang ibubapa dengan tingkah laku devian remaja. Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian pelajar lelaki dan perempuan. Hasil dapatan kajian juga menjelaskan bahawa tingkah laku devian dalam kalangan pelajar remaja beretnik India di Daerah Hulu Langat adalah berada pada tahap yang kritis. Ibu bapa adalah orang yang paling penting untuk membentuk pembentukan sahsiah dan psikososial anak-anak. Pelajar tidak akan melibatkan diri dalam masalah devian sekiranya mereka memperoleh kasih sayang dan perhatian yang penuh daripada ibu bapa mereka. Jadi, ibu bapa haruslah memberikan kasih sayang dan sentiasa mengambil berat terhadap kemajuan anaknya.

Cadangan Kajian

- i. Penyelidikan ini mengkaji faktor persekitaran keluarga terhadap perlakuan devian dalam kalangan pelajar dengan menggunakan teknik kuantitatif.
- ii. Penyelidikan lanjutan harus dijalankan dengan meningkatkan bilangan responden supaya mendapat gambaran yang lebih jelas dan terperinci.
- iii. Penyelidikan ini perlu diperluaskan skop dengan menambahkan sampai kepada etnik- etnik yang berlainan seperti Melayu, Cina dan lain-lain.
- iv. Penyelidikan ini juga harus dilaksanakan di kolej ataupun universiti awam dan swasta. Ini adalah kerana golongan remaja di institusi- institusi ini lebih cenderung terlibat dalam gejala sosial.
- v. Kajian ini harus dilakukan juga kepada pelajar-pelajar yang sedang menuntut di sekolah menengah jenis swasta.

Rujukan

- Abd Rahim Abd Rashid. (1993). *Pendidikan Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Publication &Distributors Sdn. Bhd.
- Bandura, A. (1965). Influence of Models' Reinforcement Contingencies on The Acquisition of Imitative Responses. *Journal of Personality and Social Psychology*, 6, 589 – 595.
- Baumrind, D. (1989). Rearing Competent Children. In *Child Development Today and Tomorrow*, Damon, W. (Ed.). San Francisco: Jossey-Bass, pp. 349-378.
- Cohen, R., & Nisbett, R.E., Schwarz, N. (1996). Insult, Aggression and The Southern Culture of Honor: "An Experimental Ethnography." *Journal of Personality and Social Psychology Bulletin*, 23, 1188 – 1199.
- Csikszentmihalyi, M., Larson, R., dan Prescott, S. (1977). The Ecology of Adolescent Activity and Experient. *Journal of Youth and Adolescence*, 6, 281-294.
- Dishion, T., Andrews, D., dan Crosby, L. (1995). Anti Social Boys and Their Friends in Early Adolescence: Relationship Characteristics, Quality and Interactional Process. *Child Development*, 66, 139-151.
- Dornbusch, S., Carlsmith, J., Ritter, P., dan Leiderman, P. (1985). Single Parents, Extended Households and The Control of Adolescents. *Child Development*, 52, 179-185.
- Elliott, D.S. and Ageton, S.S. (1980): *Reconciling Race and Class Differences in SelfReported And Official Estimates of Delinquency*. Anti Social Rev; 45:95–110
- Erikson, E. (1963). *Childhood and Society*. New York: Norton.
- Haslina Hassan (2000). *Gejala Gengsterisme Di Kalangan Pelajar*. Fenomena yang Semakin Meresahkan. Dewan Masyarakat (Jun). 14-27.
- Hall, G.S. (1904). *Adolescence*. (2 vols). New York: Appleton.
- Jacobvitz, D.B., dan Bush, N.F. (1996). Reconstructions of Family Relationships: Parent-Child Alliances, Personal Distress, and Self Esteem. *Developmental Psychology*, 32(4), 732-743.
- Junewitz, M. (1983). Adolescents' Moral Dilemmas: The Context. *Journal of Youth and Adolescence*, 19(6), 615-622.
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.
- Loeber, R. dan Stouthamer-Loeber, M. (1986). Family Factors As Correlates and Predictors of Juvenile Conduct Problems and Delinquency. *Journal of Research in Adolescence*, 5, 615-637.
- Mannes, M., Roehlkepartain, E. C. and Benson, P. L. (2005). *Unleashing The Power of Community To Strengthen The Well-Being of Children, Youth and Families: An AssetBuilding Approach*. Child Welfare League of America. 84 (2). 33-250.
- Pepler, D.J. & Craig, W.M. (1988). *Making a Difference in bullying*. Toronto: LaMarsh Centre for Research on Vioence and Conflict Resolution, York University.
- Schaefer, E.S. (1968). Children's Report on Parental Behaviour and Child Development. *Child Development*, 36, 413-424.
- Tremblay, R. (1995). The Impact of Friends' Deviant Behaviour on Early Onset of Delinquency: Longitudinal Data from 6 to 13 Years of Age. *Development and Psychopathology*, 7, 649-667.

Wolf,R.M. (1988) . Questionnaires. In Keeves, J.P. (Eds.) *Educational Research, Methodology and Measurement*: An International Handbook. Oxford: Pergamon Press, 478–482.

Yoshikawa, H. (1994). Prevention As Cumulative Protection: Effects of Early Family Support and Education on Chronic Delinquency and Its Risks. *Psychological Bulletin*, 115, 28-54.

Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.